

MAHATHIR

1980

DENPASAR, 12 JAN. (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENJMBANG PERMOHONAN DARI SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK JAGI MENAIKKAN HARGA RUNCIT PETROL MEMANDANGKAN TINGGINYA HARGA IMPORT MINYAK MENTAH KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI. BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA BAHAWA KENAIKAN HARGA PETROL TERPAKSALAH DIHADAPI OLEH RAKYAT KERANA HARGA PETROL DUNIA SEMAKIN MENINGKAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENJELASKAN BAHAWA SEJAK TAHUN 1973 HARGA PETROL TEMPATAN NAIK CUMA 100 PERATUS BERBANDING KENAIKAN HARGA MINYAK MENTAH SERANYAK 1,200 PERATUS (DARI US\$2.00 KEPADA US\$24 BAGI SATU TONG) DALAM TEMPOH TERSEBUT.

INI MEMBUKTIKAN BAHAWA KERAJAAN PERJAYA MENURUNKAN HARGA BAHAN PETROLEUM YANG DIJUAL DI NEGARA ITU.

BELIAU BERKATA SUNGGUHPUN HASIL MINYAK NEGARA TELAH PERTAMBAH DENGAN PESATNYA AKIBAT KENAIKAN HARGA MINYAK MENTAH DUNIA, KERAJAAN TIDAK AKAN TERGESA-GESA MEMBERI SUBSIDI TERHADAP HARGA RUNCIT TEMPATAN. -- PERSAMPUNG 1524/LK

540:

MAHATHIR 2 DENPASAR

73

KATANYA, KERAJAAN LEBIH SUKA MEMBERI SUBSIDI DI LAIN-LAIN BIDANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK MUNGKIN DAPAT MEMBENARKAN JUALAN MINYAK KURANG DARI PARAS HARGA DI NEGARA JIRAN.

INI AKAN MENGGALAKKAN MINYAK MENGALIR KELUAR DAN MALAYSIA AKAN MEMBERI SUBSIDI KEPADA NEGARA LAIN, KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU BERKATA SUNGGUHPUN MALAYSIA MEMPUNYAI BANYAK BEKALAN GAS SIMPANAN PETROL ADALAH TERHAD.

RAKYAT PATUTLAH MENYEDARI BAHAWA BEKALAN MINYAK TELAH PERKURANGAN DAN TERPAKSALAH MENERIMA BEKALAN YANG ADA.

BELIAU BERKATA MEREKA YANG MENIKMATI KENAIKAN HARGA GETAH MINYAK SAWIT DAN TIMAH TERPAKSA MEMBAYAR HARGA YANG LEBIH PAGI BAHAN-BAHAN SEPERTI MINYAK. -- BERSAMPUNG 1526/LK

541:

MAHATHIR 3 DENPASAR

MENGENAI BEKALAN DIESEL, DR. MAHATHIR BERKATA MEMANDANGKAN KURANG-NYA PENGELUARAN MINYAK MENTAH BAHAN TERSEBUT TIDAK MUNGKIN BAGI KERAJAAN MENAMBAH BEKALANNYA.

BAGAIMANAPUN BELIAU MENEGASKAN BAHAWA BEKALAN SEKARANG ADALAH MENCUKUPI SEKIRANYA ORANG RAMAI TIDAK CEMAS MEMBELI BAHAN TERSEBUT.

BELIAU BERKATA KALAU 5,000 BUAH BAS SEKOLAH MENGISI TANGKI MINYAK MASING-MASING HINGGA PENUH DALAM SEHARI SUDAH PASTILAH DIESEL KEHABISAN DI STESEN MINYAK.

+KALAU ORANG RAMAI TIDAK BEKERJASAMA, KERAJAAN TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA,+ KATANYA. -- PERNAMA 1528/LK